

NEURAL SASAR TENDER KERAJAAN PASANG E-JARI

Kuala Lumpur 15 Ogos – Neural Services Sdn. Bhd. (Neural), pengeluar e-JARI iaitu alat kawalan akses menggunakan imbasan cap jari, sedang membida tender bagi memasangnya di semua bangunan kerajaan di Putrajaya.

Alat yang pertama seumpamanya itu dihasilkan oleh Sirim Bhd. dalam tiga versi iaitu Sistem Pengurusan Masa Bersepadu, Sistem Kawalan Akses Pintu Bersepadu dan Sistem Kawalan Akses Besendirian.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Aziz Ayob berkata, pihaknya juga dalam proses melantik pengedar di Indonesia, Thailand, Vietnam dan Brunei.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran alat tersebut yang dilakukan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz di sini, hari ini.

Beliau berkata, e-JARI memiliki kemampuan untuk dipertingkatkan ciri-ciri keperluan pelanggan termasuk penggunaan my-card yang dipanggil Neural 2-dalam-1.

“Walaupun teknologi seumpamanya ada di pasaran, apa yang istimewa mengenai e-JARI ialah produknya benar-benar buatan Malaysia termasuk rekabentuk dan komponennya.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Eksekutif Sirim Bhd., Datuk Mohd Ariffin Aton berkata, e-JARI berbeza dengan lain-lain produk di pasaran kerana ia menggunakan teknologi kawalan mikro dalaman berdasarkan platform “pelbagai tugas sebenar.”

Tidak seperti e-JARI, lain-lain produk dipasarkan adalah berasaskan perisian yang mudah diserang virus komputer atau digodam, kata beliau.

Katanya, e-JARI, merupakan detik penting projek pengkomersialkan teknologi yang dibangunkan sendiri oleh Sirim.

Mohd. Ariffin berkata, Sirim mencari calon penjual bagi produknya melalui beberapa kriteria seperti kemampuan kewangan dan kecekapan pengurusan.

Beliau berkata, di bawah Rancangan Malaysia ke -7, Sirim melaksanakan 85 buah projek dan 27 buah daripadanya telah disempurnakan di bawah Skim Penumpuan Penyelidikan Dalam Bidang Keutamaan (IRPA).

“Sebahagian 85 buah projek itu kini sedia untuk diambil oleh industri bagi tujuan komersial manakala 27 buah projek di bawah IRPA itu kini sedang disiapkan,” katanya.

